

Jenayah dan Agenda Pembangunan di Malaysia: Satu Tinjauan

Abstract

Era kepesatan perbandaran dan pembangunan di Malaysia kini membawa kepada peningkatan pelakuan jenayah yang cukup membimbangkan sehingga mewujudkan rasa tidak selamat masyarakat awam keseluruhannya. Artikel ini membicarakan pendekatan 'membasmi jenayah menerusi agenda pembangunan' kerajaan Malaysia. Tinjauan ini mendapati strategi mengurangkan jenayah ialah mewujudkan persekitaran ke arah meningkatkan kualiti hidup dengan membangunkan kawasan kediaman berdaya maju dan menarik, membangunkan sistem pengangkutan awam yang mengutamakan rakyat, mentransformasi penjagaan kesihatan, menyediakan akses kepada perumahan yang berkualiti dan mampu milik, menyediakan utiliti dan perkhidmatan awam yang lebih cekap, menjadikan jalan dan masyarakat lebih selamat, dan melindungi khazanah alam sekitar. Hasil daripada pendekatan ini Malaysia telah berjaya mengurangkan jenayah sebanyak 15 peratus bagi indeks jenayah dan 35 peratus bagi jenayah jalanan iaitu melebihi masing-masing sasaran 5 peratus dan 20 peratus yang ditetapkan bagi 2010.